

Malaysia, sedia bantu Indonesia

UM 25 JUL 2001

KUALA LUMPUR 24 Julai -- Malaysia bersedia memberi bantuan kepada Indonesia untuk memulihkan semula ekonomi negara itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pemulihan ekonomi Indonesia itu perlu bagi mengelak berlakunya masalah dalam negara itu.

"Kita sedia bekerjasama jika diminta untuk membantu memulihkan ekonomi Indonesia kerana jika mereka tidak pulih (ekonomi) kita akan hadapi masalah dari segi dagangan dan kemasukan pendatang asing," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia untuk membantu membangunkan semula Indonesia di bawah kepimpinan Megawati Sukarnoputri yang mengangkat sumpah sebagai Presiden kelima republik itu semalam.

Pencabulan

Megawati dilantik sebagai pemimpin utama Indonesia oleh sidang Majlis Permusyawaratan Rakyat (MPR) selepas memecat Abdurrahman Wahid sebagai Presiden Republik Indonesia.

Abdurrahman yang juga dikenali sebagai Gus Dur ialah Presiden Indonesia yang pertama dipecat oleh MPR kerana melakukan pencabulan perlembagaan, manakala Megawati pula ialah wanita pertama di negara umat Islam terbesar di dunia itu yang dilantik ke jawatan tersebut.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia menerima sesiapa sahaja yang dipilih untuk membentuk kerajaan dan tidak membuat penilaian dan perbandingan tentang kerajaan mana yang lebih baik.

"Peralihan kepimpinan adalah hak rakyat Indonesia dan oleh itu kita berasa gembira untuk bekerja dengan siapa sahaja yang mereka," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, tindakan pemecatan Gus Dur itu tidak akan memberi kesan yang besar terhadap senario politik ASEAN.

"Kesan kepada ASEAN ekoran pemecatan Presiden di Indonesia itu tidak membimbangkan kita boleh menghadapinya.

"Sebelum ini banyak pemimpin yang berubah seperti di Filipina dan Thailand," tambahnya.